



## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DR WAN AZIZAH DR WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM PERJUMPAAN  
BERSAMA WARGA KPWK DAN KUMPULAN SASAR 2019**

**26 JUN 2019 | RABU**

**KPWKM**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**(SALUTASI)**

*Pengacara Majlis : Saudara Ben Hafiz daripada JKM*

**1. Yang Berhormat Puan Hannah Yeoh**

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**2. YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Binti Lazemi**

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

**3. Ketua-ketua Jabatan, Pengurusan tertinggi dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian**

**4. Rakan-rakan media, penghuni-penghuni Institusi, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati dan dikasihi sekalian.**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, kita semua dapat bersama dalam Program Perjumpaan Bersama Warga Kerja dan Kumpulan Sasar KPWKM 2019 pada petang ini.

Di kesempatan ini, saya berterima kasih dan mengalu-alukan kehadiran keluarga besar KPWKM iaitu anda semua yang terdiri daripada warga emas, OKU, kanak-kanak, dan Wanita dan juga warga kerja KPWKM pada majlis hari ini.

Memandangkan kita masih lagi dalam bulan Syawal, oleh itu belum terlambat untuk saya mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI kepada para hadirin sekalian; mohon maaf, zahir dan batin sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan kekhilafan saya.

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

Kita semua haruslah memahami intipati Hari Raya Aidilfitri, yang merupakan ganjaran kemenangan dan kejayaan setelah kita melaksanakan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan menahan ujian dalam bentuk kesabaran fizikal dan melawan hawa nafsu.

Sebagaimana maksud yang terkandung dalam firman Allah SWT,

*"Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada ugama Allah (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah (itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui" (Surah ar-Rum: Ayat 30).*

Semoga kita dapat meneruskan momentum Ramadan dalam mengerjakan ibadah wajib dan ibadah sunat lain selepas ini.

## **SESI KONSULTASI BERSAMA NGO BAGI INPUT BAJET 2020**

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

Pada 17 Jun yang lepas, kita telah menganjurkan program konsultasi bajet KPWKM bersama sebahagian NGO yang mewakili kumpulan sasar Kementerian.

Semua saranan dan cadangan yang diterima akan kita perhalusi dan teliti untuk penambahbaikan.

Sebagai sebuah Kementerian yang menjaga lapan kumpulan sasar iaitu wanita, keluarga, kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU), orang papa, mangsa bencana dan pertubuhan sukarelawan kebajikan, Kementerian akan sentiasa mengambil kira kepentingan setiap kumpulan ini dalam apa jua dasar dan pelaksanaan program yang akan dilaksanakan.

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

Kami akui terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam melaksanakan dasar dan inisiatif Kerajaan lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan Kementerian ini.

Kami perlu memenuhi ekspektasi rakyat yang tinggi (high expectations).

Setelah melebihi tempoh setahun berada dalam Kerajaan, kita perlu sentiasa bergerak seiring dan berganding bahu dalam menjayakan agenda-agenda pemerkasaan rakyat.

Sesuai dengan firman Allah SWT, “*Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.*

*Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya (akibat daripada mengabaikan tolong menolong dalam perkara kebaikan dan taqwa)*”. (Surah Al-Maa'idah ayat 2)

Sehubungan itu, sokongan dan kerjasama daripada anda semua adalah sangat diperlukan dan dialu-alukan bak kata pepatah,

**“Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan”**

## **TANGGUNGJAWAB KITA SEBAGAI WARGA KPWKM**

*Warga KPWKM yang dihormati dan dikasihi sekalian,*

Kita perlu sentiasa berganding bahu bersama-sama dengan semua pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan yang lain dan rakan strategik seperti NGO, orang perseorangan dan entiti korporat dalam memastikan dasar dan inisiatif Kerajaan khususnya KPWKM sentiasa relevan dan sampai kepada semua kumpulan sasar.

Saya berharap kita semua dapat melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh ikhlas, bersungguh-sungguh dan tanpa prejedis untuk meningkatkan kecekapan (efficiency) dan keberkesanan (effective) perkhidmatan.

Selain itu, kita semua bertanggungjawab untuk memastikan Kementerian ini menjadi Kementerian yang berintegriti, telus dan bebas rasuah.

Saya juga ingin menyeru kepada semua warga Kementerian untuk mengambil peluang ini bagi beramah mesra dan mengenali dengan lebih dekat kesemua tetamu yang hadir pada hari ini lebih-lebih lagi para penghuni institusi KPWKM.

Input dan maklumat yang diperolehi daripada tetamu kita pada hari ini boleh diambil kira dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar dan inisiatif di masa hadapan.

Ianya juga akan membantu anda menambahbaik cara kerja dan meningkatkan pemahaman berkaitan kumpulan sasaran kita.

## **ISU DAN CABARAN SOSIAL MASA KINI**

*Hadirin yang dihormati sekalian,*

Dengan kemajuan teknologi pada masa kini, anak-anak kita terdedah dengan pelbagai pengaruh negatif daripada internet.

Sehubungan itu, sebagai ibu bapa dan penjaga, kita hendaklah mengawal penggunaan internet di kalangan kanak-kanak.

Ini adalah kerana anak-anak ini mudah terpengaruh dengan apa yang dibaca dan ditonton melalui internet.

Walau bagaimanapun, internet merupakan medium capaian maklumat yang paling mudah bagi mendekati kanak-kanak.

Saya percaya hampir kesemua anak-anak kita di rumah melayari internet menggunakan telefon bimbit dalam masa terluang.

Saya telah melancarkan video pendidikan seks kanak-kanak iaitu “Bad touch, Safe Touch” pada 24 Jun yang lalu.

Video ini bertujuan untuk memberikan maklumat dan pendedahan awal kepada kanak-kanak dalam bentuk interaktif berkaitan perbuatan salah laku yang menjurus kepada kesalahan jenayah seksual yang perlu dilaporkan dengan segera kepada ibu bapa, penjaga, atau pihak berkuasa.

Talian Kasih 15999 turut disediakan untuk tujuan ini.

Perhatian penuh daripada ibu bapa dan masyarakat sekeliling dalam membentuk jiwa dan kesiap siagaan kanak-kanak amatlah diperlukan.

Kitalah yang membentuk mereka sama ada kearah positif atau negatif, mereka ibarat kain putih yang tersedia untuk dilakar dan diwarnai sebagaimana idea dan pemikiran seorang artis atau pelukis.

Sepertimana Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud;

*“Setiap anak yang dilahirkan itu adalah umpama kain putih (fitrah), ibu bapalah yang bertanggungjawab mewarnakan dan mencorakkannya, sama ada menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi”.*

## **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA DAN PERANAN KEMENTERIAN**

*Hadirin yang dihormati sekalian.*

Saya ingin berkongsi hasrat kerajaan kini berkenaan tujuh teras strategik pelaksanaan Inisiatif Wawasan Kemakmuran Bersama.

Inisiatif ini merupakan salah satu usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara “yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif (equitable growth) di setiap peringkat rantai nilai, kelas, kaum dan geografi”. Khususnya bagi mewujudkan rasa harmoni dan stabil di kalangan rakyat menjelang tahun 2030.

Tujuh teras ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Mei 2019 iaitu:

- i. Pengstrukturkan dan penambahbaikkan ekosistem perniagaan dan industri negara.
- ii. Sektor pertumbuhan baharu.
- iii. Reformasi bakat dan sumber tenaga negara.
- iv. Memperbaiki pasaran buruh dan pendapatan pekerja.
- v. Memperkuuhkan kesejahteraan sosial.
- vi. Pembangunan wilayah yang inklusif.
- vii. Peningkatan modal sosial masyarakat.

Sehubungan itu, kita perlu sama-sama berusaha bagi memastikan semua inisiatif di bawah Janji Kerajaan dapat dipenuhi.

Ini supaya pencapaian pada masa akan datang dapat dicapai atas semangat inklusiviti dan nilai keadilan yang akan menyumbang kepada kekayaan untuk dikongsi bersama seluruh rakyat berlandaskan *shared prosperity* (perkongsian kemakmuran).

## **PENUTUP**

*Hadirin Hadirat yang dihormati*

Saya difahamkan pada hari ini ramai penghuni daripada institusi-institusi kebajikan di bawah Kementerian ini turut hadir bersama-sama kita.

Tuan-tuan dan puan-puan, anak-anak yang saya hormati dan kasih sekalian.

Saya menyeru kepada semua petugas atau pegawai daripada institusi yang hadir pada hari ini, terima kasih atas khidmat bakti dan kerja-kerja yang telah dilaksanakan.

Saya percaya anda semua telah melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh dan penuh dedikasi selama ini.

Teruskan usaha murni tersebut dan perbaikilah mana-mana kelemahan yang ada.

Andalah tulang belakang Kementerian yang bekerja secara langsung dengan kumpulan sasar yang berada di institusi-instansi di bawah Kementerian ini.

Kepada para penghuni institusi yang hadir, gunakanlah kemudahan dan peluang yang disediakan sebaik mungkin.

Berikanlah kerjasama sepenuhnya kepada petugas, dan gunakanlah saluran yang betul untuk menyampaikan sebarang isu, maklum balas atau aduan supaya tindakan dapat diambil dengan segera.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan program hari ini.

Terima kasih dan tahniah juga diucapkan kepada Jawatan Kuasa Pelaksana dan semua warga Kementerian yang terlibat dalam pengendalian program ini.

Semoga Allah memberkati dan merahmati usaha kita.

Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.